

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL  
ANUAR BIN WAN AHMAD  
(KUALA KANGSAR)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN  
AHMAD [ KUALA KANGSAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN**  
menyatakan apakah tindakan Kerajaan kepada syarikat-syarikat GLC yang  
mengutamakan perlantikan perunding-perunding dari luar negara dan  
tidak memberikan peluang yang sama kepada perunding-perunding  
tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha memastikan supaya syarikat-syarikat  
Berkaitan Kerajaan (GLC) dapat meningkatkan perolehan barangan atau

perkhidmatan tempatan berbanding luar negara. Ini termasuk memberi keutamaan kepada pelantikan perunding-perunding tempatan berbanding perunding-perunding dari luar negara.

Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan MKD yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 16 November 2014 turut menetapkan agar rujukan dibuat kepada *The Red Book: Procurement Guidelines & Best Practices (Red Book)* yang telah dikeluarkan oleh *Putrajaya Committee on GLC High Performance* sebagai garis panduan dalam penyediaan Manual Perolehan syarikat. *Red Book* ini turut menggariskan tiga objektif utama pembangunan negara yang berkaitan dengan perolehan syarikat yang objektif pertama adalah untuk menggalakkan penggunaan *competitive local content* bagi memastikan jaminan bekalan, menyokong industri tempatan dan memperbaiki kedudukanimbangan perdagangan. Oleh itu, pelan tindakan syarikat untuk mempergiatkan penggunaan bahan, barangan dan perkhidmatan tempatan dalam perolehan syarikat Kerajaan adalah dengan garis panduan yang telah ditetapkan.

Bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk syarikat GLC melantik perunding dari luar negara berdasarkan kepakaran yang tiada di

negara, pihak Kerajaan tiada halangan terhadap pelantikan tersebut tetapi ia perlu mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan terlebih dahulu dengan justifikasi yang kukuh.